

SYARAT SYARAT PENYERTAAN

1. TERBUKA KEPADA SEMUA WARGA MALAYSIA DAN WARGANEGARA LUAR BERUMUR 13 TAHUN KE ATAS
2. BAGI KATEGORI FAMILY, TERBUKA KEPADA SEMUA KUMPULAN UMUR(BAWAH 13 TAHUN MESTI DITEMANI OLEH IBU BAPA)
3. PESERTA PERLU MELENGKAPKAN BORANG PENYERTAAN YANG RASMI DENGAN BENAR, TEPAT DAN TERKINI
4. MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT ATAU LENGKAP AKAN MENYEBABKAN PESERTA HILANG KELAYAKAN DAN SEKATAN DARIPADA MELIBATKAN DIRI DALAM LARIAN INI TANPA PEMULANGAN BAYARAN DARIPADA PIHAK PENGANJUR
5. PESERTA HENDAKLAH BERSETUJU MENERIMA SEBARANG MAKLUMAT ATAU PINDAAN DARIPADA PIHAK PENGANJUR DARI SEMASA KE SEMASA MELALUI EMAIL ATAU FACEBOOK
6. "CUT OFF TIME" BAGI LARIAN INI ADALAH SELEPAS 2JAM LARIAN BERMULA
7. SETIAP PESERTA AKAN DIBERI KIT PENYERTAAN DARI PENGANJUR
8. NOMBOR LARIAN:
 - SEMUA PESERTA AKAN DIBERIKAN NOMBOR LARIAN DAN PERLU DIPAKAI DI DADA PESERTA
 - PESERTA YANG TIDAK MEMAKAI NOMBOR LARIAN AKAN TERBATAL PENYERTAANYA
 - PERTUKARAN NOMBOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN
9. MEDAL PENAMAT AKAN DIBERIKAN KEPADA PESERTA YANG MEMAKAI NOMBOR LARIAN SAHAJA
10. PEK MAKANAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PESERTA YANG MEMAKAI NOMBOR LARIAN SAHAJA
11. SIJIL PENYERTAAN BOLEH DIDAPATI DI LAMA WEB PENDAFTARAN 5 HARI SELEPAS LARIAN
12. KAUNTER MINUMAN DI LALUAN AKAN DISEDIAKAN
13. LANGKAH LANGKAH KESELAMATAN BAGI SETIAP PESERTA LARIAN ADALAH DIBAWAH SELIAAN PENGANJUR. SEBARANG KECEDEeraan PESERTA SEMASA LARIAN BERLANGSUNG ADALAH DIBAWAH TANGGUNGJAWAB PESERTA SENDIRI
14. PESERTA DIGALAKKAN UNTUK MEMBUAT PEMERIKSAAN KESIHATAN ATAU BERUNDING DENGAN PERUNDING KESIHATAN SEBELUM MENYERTAI LARIAN INI
15. MANA-MANA PESERTA YANG MEMPUNYAI MASALAH KESIHATAN PADA HARI KEJADIAN AKAN DIKECUALIKAN DARI MENYERTAI LARIAN INI
16. SEMUA PESERTA AKAN DILINDUNGI DARI SEGI INSURAN LIABILITY AWAM DAN INSURAN KEMALANGAN DIRI
17. SEGALA RISIKO DAN KEMALANGAN YANG MEMBABITKAN PESERTA LARIAN ADALAH TANGGUNGJAWAB PESERTA SENDIRI. PIHAK PENGANJUR TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB ATAS SEGALA KERUGIAN YANG MEMBABITKAN KECEDEeraan TUBUH BADAN, KEROSAKAN HARTA BENDA SAMA ADA PERIBADI ATAU AWAM ATAU APA-APA MASALAH YANG TIMBUL SEMASA PROGRAM LARIAN INI
18. PIHAK PENGANJUR BERHAK UNTUK :
 - MENGEHADKAN, MENAMBAH ATAU MENOLAK PENYERTAAN LARIAN INI
 - MENGGUNAKAN SEGALA BAHAN TERMASUK GAMBAR, RAKAMAN ATAU APA-APA SAHAJA BAHAN REKOD BAGI TUJUAN PROMOSI DAN KOMERSIAL
 - MENGUBAH ATAU MENGGANTIKAN MANA-MANA SYARAT LARIAN INI DARI SEMASA KE SEMASA SEBAGAIMANA YANG DIFIKIRKAN PERLU DIUBAH ATAU DIGANTI

- MEMINDA LALUAN LARIAN ATAS NASIHAT PIHAK BERKUASA JIKA DIDAPATI PERLU ATAS SEBAB KESELAMATAN PESERTA ATAU UNTUK MENGELAKKAN BAHAYA YANG MUNGKIN AKAN TIMBUL KETIKA ACARA LARIAN INI BERLANGSUNG PADA BILA BILA MASA SAHAJA
19. SEKIRANYA PROGRAM INI DIBATALKAN ATAS SESAB-SEBAB TERTENTU, IATITU BERLAKUNYA KEADAAN YANG TIDAK DAPAT DIKAWAL DARIPADA PIHAK PENGANJUR YANG MENYEBABKAN PROGRAM INI TIDAK SELAMAT UNTUK DIADAKAN, MAKA PIHAK PENGANJUR TIDAK AKAN MEMULANGKAN SEGAYA YURAN PENYERTAAN DAN LAIN-LAIN PERKARA YANG DIBERIKAN TIDAK PERLU DIPULANKAN KEPADA PENGANJUR MELAINKAN PIHAK PENGANJUR MERASAKAN TUNTUTAN YANG DILAKUKAN BERPADANAN DENGAN KESILAPAN DAN KEHILANGAN BERPUNCA DARIPADA PIHAKNYA SENDIRI.